

Halal homemade Pizza

Pizza shop since 1995.

Tino's Pizza

>> BERITA > NASIONAL > AirAsia tidak sabar kembali terbang: Tony Fenandes

AirAsia tidak sabar kembali terbang: Tony Fenandes

RAIHAM MOHD SANUSI | 24 Februari 2021

Mufti Pulau Pinang tegur agamawan

[Baca cerita seterusnya >](#)




Tony Fernandes

A⁻ A⁺

SEPANG - Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Group, Tan Sri Tony Fernandes menyarankan kepada semua rakyat Malaysia agar tampil mendapatkan vaksinasi Covid-19 supaya dapat kembali melakukan perjalanan udara.

Beliau berkata, sekarang adalah masa untuk rakyat Malaysia bersatu padu, berganding bahu dan menyokong kerajaan memberikan vaksin kepada semua orang.




[i](#) [x](#)


"Saya nasihatkan semua orang untuk mendapatkan maklumat mengenai vaksin daripada saluran yang tepat dan dipercayai para saintis dan pakar.

"Vaksin adalah jawapan kita untuk benar-benar memacu kembali industri pelancongan global dan ekonomi tempatan di seluruh dunia yang amat diperlukan ketika ini," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, industri penerbangan terjejas teruk berikutan pandemik berkenaan. **Mufti Pulau Pinang** dan agamawan

"Tetapi kami akan terus berusaha dan sabar menunggu sekatan perjalanan antarabangsa untuk dibuka.





❌

"Sama seperti kami, semua orang ingin kembali terbang tetapi kita perlulah bertanggungjawab dengan mengambil vaksin dan terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP)," katanya.

Tony berkata, AirAsia sudah bersedia dan tidak sabar untuk kembali terbang dengan pelbagai inovasi baharu dan prosedur tanpa sentuhan digital untuk memastikan standard kebersihan dan keselamatan tertinggi untuk pelanggan mereka.

"Di Malaysia, Perdana Menteri kita merupakan rakyat pertama yang mendapatkan vaksinasi pada Rabu dan saya tidak sabar untuk menunggu giliran saya," kata beliau.

Tambah Tony, beliau juga berbesar hati kerana Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (Mosti) melalui MIMOS Bhd telah mengembangkan Sistem Pengendalian Vaksin berasaskan 'blockchain' untuk memastikan penghantaran dan pengedaran vaksin yang efisien dan selamat di negara ini.

Katanya, perkara itu harus diambil kira bagi menentukan populasi sasaran dan lokasi geografi yang tepat untuk memastikan negara dapat mencapai hasil paling berkesan dalam jangka masa yang singkat.

"AirAsia berharap dapat memainkan peranan aktif dalam kempen vaksinasi ini.

"Cabang logistik kami, Teleport sentiasa bersedia untuk membantu, termasuk mengambil vaksin dari China dan Rusia apabila tersedia, dan membuat penghantaran secara domestik di Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, India dan negara-negara lain.

"Sementara itu, juruterbang dan kru kabin kami yang belum kembali terbang sepenuhnya juga boleh membantu sebagai petugas barisan hadapan untuk program vaksinasi ini.

"Mereka telah dilatih untuk memberikan pertolongan kecemasan dan dapat menangani kecemasan berkaitan perubatan. Mereka pasti dapat membantu para petugas barisan depan. Ini adalah salah satu usaha tidak konvensional kami," katanya.

Beliau berkata, apa yang paling penting adalah pelaksanaan program vaksinasi itu memberikan garis masa paling jelas dan nyata mengenai kawalan sepenuhnya terhadap Covid-19 dan kehidupan akan kembali seperti biasa dengan norma baharu.

"Dengan sumbangan 15 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahunan dan 24 peratus daripada jumlah pekerjaan di negara ini, sektor pelancongan adalah salah satu pamacu ekonomi yang paling penting. Para pemain industri tersebut harus diberi keutamaan sebagai penerima vaksin," katanya.

Mufti Pulau Pinang tegur agamawan

Ringgit dibuka hampir tidak berubah berbanding dolar AS ✕

[Baca cerita seterusnya >](#)

TERKINI | POPULAR

- 1 Ringgit dibuka hampir tidak berubah berbanding dolar AS
- 2 Ghana, negara miskin pertama terima vaksin Covid-19 percuma
- 3 Lima penjara sementara tempatkan 1,719 banduan
- 4 Nekat redah banjir demi PS5
- 5 Media massa main peranan penyebaran bahan lawak



Dapatkan informasi dan statistik terkini penularan wabak Covid-19 di Malaysia di sini:
<https://info.sinarharian.com.my/koronavirus>


Apakah reaksi anda?

Advertisement


Powered by  Vuukle




Gembira




Biasa Jer




Terhibur



Teruja



Marah



Sedih



Mufti Pulau Pinang tegur agamawan

Baca cerita seterusnya >

Artikel Berkaitan



Bos AirAsia jual rumah agam di Scotland

SHAH ALAM - Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tony Fernandes menjual hartanahnya di Ayrshire, Scotland yang bernilai 2.5 juta pound (RM13.55...



Program vaksinasi dijangka pulihkan industri penerbangan

KUALA LUMPUR - Program vaksinasi Covid-19 yang bakal dilancarkan tidak lama lagi dan perjanjian laluan hijau timbal balik/Aturan Koridor Perjalanan...



Jangan takut guna vaksin Covid-19

SHAH ALAM - Rakyat Malaysia dinasihatkan supaya tidak takut menggunakan vaksin Covid-19 apabila negara memperoleh bekalan berkenaan mulai tahun depan....



Kolaboratif menerusi medium dalam talian

SERDANG - Pandemik Covid-19 yang melanda negara pada masa kini tidak menghalang penganjuran program Connecting Kolej Tun Dr Ismail (KDTI) Universiti...



Covid-19: Prolintas laksanakan sanitasi di plaza tol

KUALA LUMPUR - Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (Prolintas) menjalankan kerja pembasmian kuman dan pembersihan di Pejabat Operasi Lebuhraya...



Perlu timbang cara untuk vaksin pekerja migran: WHO

KUALA LUMPUR - Negara yang menjadi tuan rumah kepada pekerja migran perlu menimbang cara untuk memvaksin pekerja warga asing dalam usaha membasmi...

Mufti Pulau Pinang tegur agamawan

Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

[Baca cerita seterusnya >](#)

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

DMCA PROTECTED

Mufti Pulau Pinang tegur agamawan

GEORGETOWN - Agamawan disarankan supaya tidak bercakap sesuatu perkara atau isu di luar ilmu pengetahuan dan kepakaran mereka.

Sinarharian

Shell nak bagi hingga 4X Mata Ganjaran!

Shell Malaysia | Sponsored

Shell nak bagi hingga 4X Mata Ganjaran!

Shell Malaysia

Usianya 55 tahun tetapi mempunyai kulit seakan bayi! Sebelum tidur, saya sapu...

VisageMax

Azezah Drop Shoulder Blouse - Brown Paisley

RM79

Poplook

Mufti Pulau Pinang tegur agamawan

Shop Now

Baca cerita seterusnya >

1 Cara mengecilkan perut buncit secara mudah & alami

Keto Diet

Hilangkan segala kesakitan di seluruh badan tanpa sebarang rawatan!

BERITA & SAINS MALAYSIA

Rumah Berkonsep Ala Inggeris Yang Dihiasi Dengan Bahan Terpakai

iProperty.com.my

1 Cawan (Sebelum Tidur), Membakar Lemak Perut Seperti Gila.

Ultra Fast Keto Boost

Trik mudah ini mencairkan lemak perut semasa anda tidur

Shinyakoso Enzyme

Sponsored Links by Taboola

Mufti Pulau Pinang tegur agamawan

Baca cerita seterusnya >